

Car Accident Protection
Special (CAPS)

Perlindungan yang lengkap untuk anda dan penumpang yang disayangi



Perlindungan yang lengkap untuk anda dan penumpang yang disayangi.

Memandu memainkan peranan yang penting dalam kehidupan harian kita. Sama ada menghantar anak ke sekolah, mahupun pulang ke kampung halaman pada hujung minggu, kita banyak menghabiskan masa di atas jalan raya. Kebiasaannya, kita akan membawa muatan yang paling berharga sewaktu dalam perjalanan – orang tersayang. Daripada ahli keluarga hingga ke sahabat handai, kehidupan mereka menjadi tanggungjawab kita semasa memandu kenderaan. Kita memandu dengan penuh berhati-hati, untuk keselamatan bersama. Namun, malang tidak berbau dan boleh berlaku pada bila-bila masa tanpa diduga.

Di situlah Car Accident Protection Special (CAPS) memainkan peranan. Ia direka untuk melindungi anda dan penumpang yang tersayang daripada kehilangan nyawa dan hilang upaya akibat kemalangan dalam perjalanan dengan kenderaan persendirian anda, membolehkan anda memandu dengan minda yang tenang.

Manfaat Utama

- **Kematian Akibat Kemalangan**

Apabila berlaku kematian akibat kemalangan semasa berada di dalam kenderaan Orang yang Diinsuranskan, perlindungan adalah sehingga RM60,000 bagi setiap Orang yang Diinsuranskan/penumpang.

- **Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal**

Perlindungan adalah sehingga RM60,000 sekiranya berlaku Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal untuk setiap Orang yang Diinsuranskan/penumpang akibat kemalangan.

- **Perbelanjaan Perubatan**

Pembayaran balik kos perubatan yang ditanggung seperti pembedahan, hospital dan penjagaan sekiranya Orang yang Diinsuranskan/penumpang mengalami kecederaan akibat kemalangan. Manfaat akan dibayar sekiranya ia berlaku dalam tempoh 52 minggu dari tarikh kemalangan tersebut.

Kelayakan

Pemandu yang berumur antara 18 tahun hingga 70 tahun layak untuk memohon. Pelan ini melindungi penumpang berusia 3 tahun hingga 70 tahun.

Pelan dan Manfaat (setiap Orang yang Diinsuranskan)

Pilih salah satu daripada tiga pelan yang sesuai dengan keperluan anda:

No	Manfaat	Jumlah yang Diinsurans (RM)		
		Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3
1	Kematian Akibat Kemalangan	20,000	40,000	60,000
2	Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal	sehingga 20,000	sehingga 40,000	sehingga 60,000
3	Perbelanjaan Perubatan	sehingga 500	sehingga 1,000	sehingga 1,500

Had Keistimewaan

No	Umur Penumpang	Kelayakan untuk Manfaat/setiap orang
1	16 hingga 70 tahun	100%
2	Antara 3 hingga 16 tahun	50%
3	3 tahun ke bawah	Tidak dilindungi

Premium

No	Kapasiti Tempat Duduk	Pelan 1 (RM)	Pelan 2 (RM)	Pelan 3 (RM)
1	5 tempat duduk termasuk pemandu	60.00	120.00	180.00
2	7 tempat duduk termasuk pemandu	78.00	156.00	234.00

Nota: Semua premium, lain-lain caj dan fi (jika berkenaan) akan tertakluk pada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia. Tambahan RM10 duti setem akan dikenakan untuk setiap polisi.



Soalan Lazim

1. Bagaimanakah cara untuk memohon dan memperbaharunya?

Sila rujuk kepada ejen Etiqa atau menyemak cawangan yang terdekat di kawasan anda di www.etiqa.com.my. Hubungi Etiqa Online di talian **1300 13 8888** untuk maklumat lanjut.

2. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

- Komisen dibayar kepada ejen Insurans : 10 % daripada premium
- Duti Setem : RM10 (caj tambahan kepada premium)
- Semua premium, lain-lain caj dan fi (jika berkenaan) akan tertakluk pada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia.

3. Bagaimanakah cara untuk membuat tuntutan?

Semua tuntutan mestilah dimaklumkan kepada kami dengan secepat mungkin tetapi tidak lewat daripada 30 hari selepas apa-apa kejadian yang mungkin melayakkan Orang yang Diinsuranskan untuk membuat tuntutan di bawah polisi ini. Sila hantar kepada kami dokumen-dokumen yang berkaitan untuk menyokong tuntutan anda. Sebarang dokumen atau keterangan yang diperlukan untuk mengesahkan tuntutan tersebut hendaklah disediakan oleh Orang yang Diinsuranskan di atas perbelanjaan sendiri. Perbelanjaan untuk sebarang pemeriksaan perubatan yang kami perlukan untuk mengesahkan tuntutan tersebut akan ditanggung oleh kami.

4. Bagaimanakah cara saya untuk membatalkan polisi?

Anda boleh membatalkan polisi dengan memberi notis bertulis kepada kami dan semasa pembatalan polisi, anda layak menerima pulangan sebahagian daripada premium.

Nota : Tertakluk pada tiada tuntutan dibuat.

5. Apakah Pengecualian Utama di bawah polisi ini?

- Melakukan sebarang perbuatan yang menyalahi undang-undang;
- Komplikasi kehamilan, bersalin, keguguran (kecuali keguguran disebabkan kemalangan) atau pengguguran anak;
- Membunuh diri, mencederakan diri sendiri dengan sengaja, pembunuhan atau serangan yang didorong/ akibat provokasi;
- Di bawah pengaruh dadah, narkotik atau alkohol;
- AIDS atau kehadiran sebarang HIV;
- Keuzuran, penyakit, parasit, jangkitan bakteria atau virus, anthrax, keracunan darah, dan lain-lain;
- Sebarang kecacatan fizikal atau kelemahan yang sedia ada;
- Peperangan, mogok, rusuhan atau ketidaktertenteraman awam, tindakan keganasan, pencemaran radiasi atau nuklear;
- Kemalangan yang berlaku semasa menaiki atau keluar daripada kenderaan yang diinsuranskan;
- Kenderaan yang digunakan tidak mematuhi semua syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak berkuasa;
- Kenderaan yang digunakan untuk perlumbaan, pemanduan secara bahaya, ujian kelajuan, dan lain-lain.

Senarai di atas adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada Kontrak Polisi untuk senarai penuh pengecualian. Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai maklumat di atas, atau ingin menyertai plan ini, sila dapatkan Helaian Pendedahan Produk daripada Ejen Insurans Am Etiqa, atau hubungi Etiqa Online di talian **1300 13 8888**.

Nota Penting

1. Risalah ini tidak boleh dianggap sebagai kontrak atau komitmen. Maklumat yang terkandung di dalam risalah ini mungkin akan dipinda tanpa notis terlebih dahulu.
2. Sebelum menyertai polisi ini, anda perlu memahami pelan ini dengan baik bagi memastikan ianya memenuhi keperluan anda sebaiknya dan premium yang perlu dibayar adalah mengikut kemampuan anda.
3. Tempoh perlindungan adalah satu tahun dan anda perlu memperbaharui polisi setiap tahun.
4. Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai insurans kemalangan diri, sila rujuk kepada buku panduan *Insurans Kemalangan Diri* yang boleh didapati di cawangan kami. Selain itu, anda boleh mendapatkan salinan daripada Ejen Insurans Am Etiqa atau layari **www.insuranceinfo.com.my**.

Etiqa Online 1300 13 8888
www.etiqa.com.my



 www.facebook.com/etiqa

Diunderait oleh:

Etiqa General Insurance Berhad (197001000276)

(Dahulu dikenali sebagai Etiqa Insurance Berhad)
(Dilisenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013
dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Dataran Maybank, No. 1, Jalan Maarof,
59000 Kuala Lumpur, Malaysia

T +603 2297 3888 F +603 2297 3800

eTiQa
Insurans Am